

20 JUN 1999

Umno-tamat (Analisis)

SOKONGAN PADU UMNO KEPADA KETERAMPILAN DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno ke-53 berakhir hari ini dengan mesej bahawa parti terus memberikan sokongan padu kepada kepimpinan luar biasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lebih 2,000 anggota perwakilan mengiktiraf keterampilan Perdana Menteri dan Presiden Umno itu dalam mengatur strategi memajukan ekonomi dan umat Islam serta mempertahankan kedaulatan negara dengan menggelarnya "Bapa Kemerdekaan Ekonomi Negara" dan "Jaguh Pejuang Islam Sejati".

Sokongan sebulat suara perwakilan dibuktikan melalui satu undian secara mengangkat tangan bagi mengetahui sekiranya ada yang mahukan Dr Mahathir berundur. Tiada yang mengangkat tangan.

"Datuk Seri, pimpinlah kami, kami sedia menjadi gurkha yang setia dan berani," kata wakil Perak, Datuk Ramly Zahari selepas undian yang dicadangkannya itu.

Dengan mengambil ungkapan dalam seni kata lagu Hindustan dari filem Bobby, "Pyae Ni Sauda Nahin" yang bermaksud kasih sayang tidak boleh dijual beli, Ramly berkata kasih sayang anggota Umno kepada Dr Mahathir tiada tolok bandingnya.

Ia sekali gus menunjukkan azam politik hampir 2.8 juta anggota Umno di seluruh negara berdiri teguh di belakang Dr Mahathir.

Kedengaran juga di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, tempat perhimpunan empat hari itu berlangsung, suara yang meminta Dr Mahathir supaya tidak lagi mengeluarkan perkataan hendak berhenti.

Menurut pemerhati politik, sokongan padu perwakilan merupakan pengesahan yang ditunggu-tunggu selama ini, terutama apabila pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap Perdana Menteri selepas pemecatan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, September lepas.

Mereka menganggap ia satu tamparan hebat kepada pengkritik Dr Mahathir serta kepada kuasa asing yang ingin menjatuhkan beliau dan juga sesetengah media asing.

Sebagai seorang yang tidak suka menunjuk-nunjuk keIslamannya, Dr Mahathir telah berjaya menawan hati perwakilan dengan mempamerkan sifat seorang pemimpin Islam, tidak seperti pemimpin-pemimpin PAS yang dianggap fanatik.

Seperti yang dikatakan oleh wakil Wilayah Persekutuan Muin Abdul Manaf, Dr Mahathir tidak perlu berkopiah putih atau menyimpan janggut untuk menunjukkan beliau pemimpin sejati orang Islam "kerana cahaya dari wajahnya sudah cukup bagi menggambarkan keikhlasan hatinya untuk memperjuangkan nasib bangsa agama dan negara".

Walaupun isu pemecatan Anwar menjadi perhatian, tetapi ia tidaklah menjadi tumpuan utama sehingga mengentepikan agenda utama Umno sekarang iaitu menghadapi pilihan raya umum.

Ceramah umum terbuka yang dianjurkan oleh Umno pada Khamis lepas untuk menjelaskan mengenai taktik kotor PAS menggunakan Islam dan pemecatan Anwar bagi kepentingannya, juga telah membuka mata orang ramai mengenai helah parti pembangkang itu.

Perhimpunan agung kali ini juga menyaksikan "pembongkaran" segala kepura-puraan parti pembangkang, khususnya PAS dan Keadilan.

Dalam kes PAS, wakil Terengganu, Haji Ibrahim Azmi Hassan mendedahkan bagaimana parti pembangkang itu mengkhianati janjinya kepada Parti Melayu Semangat 46 (S46) berhubung pembentukan kerajaan bersama Kelantan selepas pilihan raya umum 1990.

Ibrahim yang pada masa itu naib presiden S46, berkata pada ketika itu, PAS berjanji untuk memberikan jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan kepada S46 tetapi sebaliknya ia belot dan mengambil jawatan itu.

Perhimpunan itu juga mendedahkan bagaimana Presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri Anwar, bersekongkol dengan beberapa pemimpin asing yang boleh menggugat kedaulatan negara.

Wakil Wanita Umno Hajah Fatimah Ismail pula membidas Presiden PAS Datuk Fadzil Nor kerana sanggup berdamping dengan Azizah ke merata-rata tempat sedangkan mereka bukannya muhrim.

Selepas berhimpun selama empat hari dan mendengar pelbagai ucapan bersemangat wakil-wakil negeri, semua pemimpin akar umbi Umno yang hadir dalam perhimpunan itu pastinya lebih yakin untuk pulang menggempur kubu lawan di kawasan masing-masing.

Bagi Dr Mahathir, beliau kini ibarat seorang jeneral yang lengkap dengan perisai untuk menghadapi pilihan raya.

Pemerhati politik berpendapat bahawa selepas berjaya merapatkan barisan di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Umno kini bersedia untuk menggempur pembangkang, khususnya PAS dengan nasihat yang dibekalkan oleh Dr Mahathir sebagai senjata.

"Mulai hari ini akan bermulalah perang habis-habisan terhadap PAS dan parti-parti pembangkang lain," kata seorang anggota perwakilan.

-- BERNAMA

ES MAI